

26 APR 1996

Mahathir-Razaleigh

MAHATHIR SAHKAN ADA PERTEMUAN DENGAN TENGGU RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan adanya pertemuan antara beliau dan Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah baru-baru ini dan berkata mereka telah berbincang antara lain mengenai "suasana" politik dan ekonomi.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata Tengku Razaleigh tidak menyatakan hasrat untuk menyertai UMNO pada pertemuan itu yang diadakan sebelum beliau (Dr Mahathir) berlepas untuk melakukan lawatan ke negara-negara Balkan pada 14 April lepas.

Pada persidangan akhbar sekembalinya daripada lawatan itu, Dr Mahathir berkata kemungkinan parti Semangat 46 menjadi anggota komponen Barisan Nasional (BN) juga tidak pernah dipertimbangkan.

"Payah sikit kalau kita ada dua parti Melayu dalam BN. Masalah berpindah-pindah parti mungkin berlaku apabila seseorang anggota tidak berpuas hati," kata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan-laporan akhbar mengenai adanya pertemuan di kalangan pemimpin kedua-dua parti itu.

Ketika ditanya sama ada pertemuan beliau dengan Tengku Razaleigh itu akan membawa kebaikan kepada perpaduan Melayu, Dr Mahathir berkata beliau tidak berani hendak membuat penilaian.

Katanya, UMNO menerima baik sebarang usaha untuk mencari penyelesaian antara kedua-dua parti tetapi "matlamat dan cara-cara perjuangan UMNO hendaklah diterima".

"Dah lama kita kata bahawa UMNO bukan hak mana-mana pihak tetapi hak semua orang Melayu," katanya.

Menurutnya, jemputan untuk anggota Semangat 46 menyertai UMNO sudah lama dibuat dan dasarnya sama sahaja bagi semua orang sama ada Tengku Razaleigh atau yang lain.

UMNO bersedia menerima semua orang Melayu yang bersedia menerima perjuangan UMNO dan cara UMNO berjuang bersama kaum-kaum lain dalam BN, kata Dr Mahathir yang juga pengerusi BN.

Mengenai desakan Dewan Pemuda PAS Pusat kepada kerajaan Kelantan supaya meminda perlembagaan negeri itu bagi memperjelaskan pemisahan kuasa dan mengelakkan campur tangan istana dalam pentadbiran negeri, Dr Mahathir berkata:

"Kita anggap ini sebagai satu justifikasi terhadap tindakan yang telah kita ambil.

"Kalau satu kapal ada dua kapten, kadang-kadang kapal pecah dua, susahlah," katanya.

Sebelum ini, PAS dan Semangat 46 menentang usaha kerajaan pusat meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan bidang kuasa kerajaan dan istana dan memastikan tidak ada campur tangan istana dalam pentadbiran kerajaan.

Mengenai lawatannya ke negara-negara Balkan itu, Dr Mahathir berkata perjalanan dan sambutannya nampak baik tetapi yang membuka mata ialah keadaan di Sarajevo.

"Walaupun kita melihat banyak gambar melalui televisyen dan akhbar, kita tak boleh nak bayangkan kemusnahan yang sebenarnya di Sarajevo," katanya.

Dr Mahathir berkata penduduk Sarajevo merupakan mereka yang cekal dan berani kerana tidak mahu berundur dalam keadaan yang mendesak itu.

Selain Bosnia Herzegovina, Dr Mahathir turut melawat Croatia dan

Macedonia serta Malta. -- BERNAMA
AZZ NMO